



Faculty of Applied and Creative Arts

**SIGNIFIKASI IMEJAN DALAM CERITA RAKYAT DARI SUDUT
KOSMOLOGI ETNIK LUN BAWANG**

Febbie Ruth Katawan

51788

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian
(WA59 - Pengurusan Seni)**

2018

**SIGNIFIKASI IMEJAN DALAM CERITA RAKYAT SUDUT
KOSMOLOGI ETNIK LUN BAWANG**

FEBBIE RUTH KATAWAN

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni
Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: SIGNIFIKASI IMEJAN DALAM CERITA RAKYAT DARI SUDUT KOSMOLOGI ETNIK LUN BAWANG

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya: Febbie Ruth Katawan

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis
Tarikh: 8 Jun 2018

Tandatangan Penyelia
Tarikh : 8. 6. 18

Alamat tetap :

Lot 2223, RPR, Phase 2, Jalan Banting, 98850, Lawas, Sarawak.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**SIGNIFIKASI IMEJAN DALAM CERITA RAKYAT DARI SUDUT KEPERCAYAAN KOSMOLOGI ETNIK LUN BAWANG**' telah disediakan oleh **Febbie Ruth Katawan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Hj. Hassan)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Puan Rahah Haji Hassan sebagai penyelia atas tunjuk ajar serta bimbingan yang tidak terhingga sepanjang pengkaji menjalankan kajian. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga, terutamanya ibu, Shi Kui Ing dan abang, Deanz Ballang yang banyak memberi kata semangat serta dorongan agar pengkaji tidak berputus asa. Penghargaan ini turut ditujukan kepada saudari Seera John atas bantuan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini serta sokongan yang diberikan. Akhir sekali, ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi ilmu dan memberi tunjuk ajar kepada pengkaji.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	viiii
ABSTRAK	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Lokasi Kajian	15
1.8 Skop Kajian	17
1.9 Penutup	18

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	19
2.2 Asal Usul Cerita Rakyat	20
2.3 Kosmologi dalam Cerita Rakyat	23
2.4 Mitos <i>Cosmic Egg</i> (Telur Kosmos)	26
2.5 Penutup	28

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29
3.2	Kajian Kerja Lapangan	30
3.3	Kajian Keperpustakaan	33
3.4	Instrumen Kajian	34
3.5	Alat Analisis	35
3.6	Metodologi Pengumpulan Data	38
3.7	Penutup	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	
4.2.1	Pemerhatian	42
4.2.2	Temu Bual	43
4.2.3	Dokumentasi Cerita Rakyat Terur Aco dan Rang Dungo	44
4.3	Dapatan Kajian	
4.3.1	Sinopsis Cerita Terur Aco dan Rang Dungo	45
4.3.2	Konsep Kosmologi dalam Cerita Rakyat Terur Aco dan Rang Dungo	48
4.3.3	Kepercayaan Kosmologi dalam Budaya Etnik Lun Bawang	51
4.4	Analisis Data	53
4.4.1	Mengenalpasti Imejan Kosmologi yang Terdapat dalam Cerita Rakyat Terur Aco dan Rang Dungo	55
4.4.2	Mendokumentasi Imejan Berunsur Kosmologi yang Terdapat dalam Cerita Rakyat Terur Aco dan Rang Dungo pada Produk Seni Etnik Lun Bawang	56

4.5	Perbincangan	
4.5.1	Mengenali Watak dalam Cerita Terur Aco dan Rang Dungo	66
4.5.2	Perempuan Pilihan Rang Dungo	68
4.6	Perbincangan Isu Berkaitan	
4.6.1	Pengaruh Agama terhadap Kepercayaan Kosmologi Etnik Lun Bawang	70
4.6.2	Konsep <i>Kinship</i> (Kekeluargaan)	72
4.6	Penutup	74

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	76
5.2	Cadangan	77
5.3	Rumusan	79
5.4	Penutup	83

BIBLIOGRAFI	84
--------------------	----

GLOSARI	87
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A	: Soalan Temu Bual	89
Lampiran B	: Gambar dan Maklumat Informan	90
Lampiran C	: Transkrib Temu Bual	93
Lampiran D	: Surat Pengesahan Pelajar	99

SENARAI JADUAL**MUKA SURAT**

Jadual 4.3.2.1 : Senarai imejan bersama terjemahan ke dalam Bahasa Melayu	48
Jadual 4.4.1 : Ringkasan dapatan kajian secara keseluruhan berdasarkan objektif	54

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 2.3.1	: Struktur kepercayaan animism zaman purba oleh Gier dalam buku <i>God, Reason and the Evangelicals</i> .	25
Rajah 3.2.1	: Kaedah pengumpulan data kualitatif	30
Rajah 3.6.1	: Carta alir metod pengumpulan data	38
Rajah 4.3.2.1	: Konsep kosmologi berdasarkan situasi sebenar	49
Rajah 4.3.2.2	: Konsep kosmologi berdasarkan cerita Terur Aco dan Rang Dungo	50

SENARAI GAMBAR**MUKA SURAT**

Gambar 1.7.1	: Peta daerah Lawas	16
Gambar 2.2.1	: Dewa-dewi yang popular dalam mitos Yunani	21
Gambar 2.3.1	: Catan Aruring Salud Bulan oleh artis Kelabit, Stephen Baya	24
Gambar 2.3.2	: Konsep <i>cosmic egg</i> menurut kepercayaan Mesir	26
Gambar 4.4.2.1.1	: Catan bertajuk Sejarah Lun Bawang oleh Bell Suut	56
Gambar 4.4.2.2.1	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	58
Gambar 4.4.2.2.2	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	58
Gambar 4.4.2.2.3	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	59
Gambar 4.4.2.2.4	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	59
Gambar 4.4.2.2.5	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	59
Gambar 4.4.2.2.6	: Corak yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	60
Gambar 4.4.2.2.7	: Corak kosmologi yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang.	61
Gambar 4.4.2.2.8	: Contoh penggunaan motif kosmologi pada kraf	62
Gambar 4.4.2.2.9	: Contoh penggunaan motif kosmologi pada kraf	63
Gambar 4.4.2.2.10	: Corak kosmologi yang terdapat dalam kesenian masyarakat Lun Bawang	64
Gambar 4.4.2.2.11	: Contoh penggunaan motif kosmologi pada kraf	65
Gambar B.1	: Informan yang ditemui bual	90

Gambar B.2	: Informan yang ditemu bual	91
Gambar B.3	: Informan yang ditemu bual	92

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan satu elemen penting dalam sesuatu kebudayaan masyarakat itu. Ia menjadi sumber rujukan utama bagi memahami tradisi dan budaya mereka. Imej-imej yang digambarkan dalam cerita menjadi satu simbol bagi kepercayaan dalam budaya sesuatu kaum itu. Kajian ini adalah dibuat berdasarkan sebuah cerita rakyat masyarakat Lun Bawang dalam memahami kepercayaan kosmologi kaum ini dan menganalisis bagaimana ia diterapkan dalam kesenian masyarakat tersebut.

ABSTRACT

Folktales are one of the important elements there is in a cultural aspect of a community. It is the main source of reference in order to understand their tradition and culture. Images used in these tales represent the symbols of beliefs in their culture. These images later become an inspiration for the arts product that we have today. This research is conducted based on a Lun Bawang's tale of origin that encompasses the ethnic's cosmic beliefs and to analyse how these images are used in the making of the community's art product.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah mengenai signifikasi imejan dalam cerita rakyat masyarakat Lun Bawang dari sudut kepercayaan kosmologi. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai tajuk dengan lebih terperinci mengikut bahagian-bahagian yang telah ditetapkan dalam bab ini.

Cerita rakyat merupakan satu tradisi lisan yang sememangnya ada dalam kebudayaan setiap kaum. Pentingnya cerita rakyat adalah ia menjadi sumber identiti dan rujukan bagi masyarakat kini. Seni dan tradisi di Malaysia adalah dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat setempat. Oleh itu, pengkaji berharap dengan adanya kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti imejan kosmologi yang ada dalam cerita rakyat pada produk seni atau seni kraf kaum Lun Bawang yang ada pada masa kini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Lun Bawang, yang dahulunya dikenali sebagai Murut, merupakan antara kumpulan pecahan Orang Ulu yang tinggal di kawasan tanah tinggi. Istilah Lun Bawang bermaksud ‘orang tempat ini’. Kaum ini sering kali merujuk diri mereka berdasarkan tempat tinggal mereka kerana menganggap tempat sebagai identiti mereka. Contohnya, mereka menggunakan istilah lain yang merujuk diri mereka berdasarkan penempatan seperti *Lun Lod* yang bermaksud orang di hilir sungai dan *Lun Dayeh* merujuk kepada kaum Lun Bawang yang menetap di Sabah.

Kaum Lun Bawang merupakan kaum yang terawal menetap di kawasan pergunungan di pertengahan Pulau Borneo. Penempatan asal mereka adalah di kawasan tanah tinggi berdekatan dengan Sungai Krayan yang kini merupakan sebahagian daripada kawasan Kalimantan, Indonesia sebelum berhijrah ke kawasan Sarawak (Lee, 2015). Menurut Crain, (seperti yang dipetik oleh Shabudin, 2015) kaum Lun Bawang boleh ditemui di sekitar Kepulauan Borneo iaitu di Kalimantan, Sabah dan Brunei selain di Sarawak.

Mereka merupakan antara suku kaum terakhir di Borneo yang membuang amalan memburu kepala. Kaum ini sangat dikenali oleh penduduk di kawasan tanah tinggi serta teluk Brunei sebagai pahlawan yang berani, penyerang dan pemburu kepala. Biasa dengan keadaan tanah tinggi menyebabkan mereka mempunyai

stamina fizikal yang tinggi memberikan mereka kelebihan berbanding musuh dari kawasan tanah rendah (Munan, 1993).

Sebelum kedatangan agama Kristian, kaum Lun Bawang mempunyai gaya hidup yang amat berbeza jika dibandingkan dengan sekarang. Baru Bian dalam bukunya yang bertajuk *The Long Awakening* menceritakan masyarakat Lun Bawang dahulu

...were fond of drinking burak or rice wine, too much of it, to the neglect of their homes and living conditions. They were quarrelsome people and there was much warring between rival families and longhouses, which the Brooke government found difficult to quell. Filthy lifestyle habits turned their longhouses into breeding grounds for viral epidemics. (Bian, 2014)

Kesan daripada gaya hidup mereka yang kotor telah mengakibatkan penularan wabak penyakit cacar dalam kawasan penempatan Lun Bawang pada tahun 1904. Keadaan ini menyebabkan kaum ini hampir pupus pada ketika itu apabila jumlah kematian yang agak ramai kesan daripada wabak tersebut. Pada awalnya, angka kematian berjumlah dalam lingkungan 20 000. Jumlah kematian yang ramai menyebabkan bilangan kaum ini pada ketika itu menurun kepada 5000 pada tahun 1907. Serangan wabak tersebut pada tahun 1920-an dan awal 1930-an sekali lagi mengurangkan populasi kaum ini kepada 3500 orang sahaja (Sim, 2015).

Pentadbiran Brooke pada ketika itu enggan memberi sebarang bantuan perubatan dan tiada sebarang tindakan diambil untuk membendung wabak tersebut kerana berpendapat bahawa tindakan tersebut sesuai memandangkan kaum Lun Bawang pada masa itu memberontak terhadap kerajaan Brooke. Keadaan Lun Bawang pada ketika itu amat teruk sehingga Brooke merujuk kepada keadaan mereka dengan istilah ‘*murut*’ yang bermaksud buruk atau busuk dalam bahasa Iban lingua (Batuncang, 2012).

Pada tahun 1928, tiga orang mubaligh Kristian dari Melbourne, Australia datang ke Limbang bagi menyebarkan ajaran Kristian. Pada awalnya Brooke enggan membenarkan mereka memasuki penempatan Lun Bawang kerana risau akan keselamatan mereka. Namun begitu, usaha ketiga-tiga mubaligh ternyata berhasil apabila mereka menerima ajaran tersebut dan berlakunya penukaran kepada agama Kristian yang berlaku secara besar-besaran dalam masa yang singkat sahaja (Sim, 2015).

Setelah memeluk agama Kristian, kebanyakkan gaya hidup serta pantang larang yang bertentangan dengan kepercayaan agama dimansuhkan manakala budaya yang dirasakan tidak bertentangan dengan ajaran agama masih diamalkan sehingga kini. Kebanyakkan generasi pertama yang menerima ajaran Kristian menjadi *pastor* atau guru agama. Peluang pendidikan memberi peluang kepada semua golongan untuk menuntut ilmu dan menaikkan status hidup mereka.

Cerita rakyat merupakan satu tradisi lisan yang merangkumi lagenda, pepatah dan nyanyian rakyat. Menurut Cunniffe, Gosling, Mannion, Lochlainn, McWalter, O’Cheanainn, O’Neacheanainn dan Ryan (2006), tradisi lisan adalah perbuatan menurunkan pengetahuan dari satu generasi kepada yang seterusnya secara lisan, iaitu melalui kata-kata. Mereka juga berpendapat bahawa sejarah lisan adalah sumber utama kewujudan dan ia membantu kita untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai sesuatu tempat, orang dan perkara yang berlaku dalam sesuatu kelompok masyarakat pada masa ketika itu.

Kim (n.d.) berpendapat bahawa cerita rakyat mengandungi sifat, kepercayaan, budaya, tradisi serta nilai masyarakat dari mana asalnya cerita tersebut dan seterusnya memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk menghargai budaya masyarakat tersebut.

Dalam masyarakat kaum Lun Bawang, cerita rakyat yang diceritakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pendengarnya. Contohnya cerita rakyat Lun Bawang yang bertajuk Upai Kasan menekankan tiga elemen penting dalam jalan ceritanya, iaitu dari aspek ekonomi, struktur masyarakat dan nilai moral (Deegan & Usad, 1972, ms. 109). Tetapi, jika dikaji dengan lebih dalam, jalan cerita adalah terlalu teliti sehingga ia turut menceritakan kepercayaan serta gaya hidup masyarakat pada ketika itu. Watak utama dalam cerita tersebut pula diharapkan menjadi contoh kepada pendengarnya sebagai seseorang yang mempunyai perwatakan yang baik dan harus dicontohi.

Di samping bertujuan sebagai satu ajaran dan mendidik, cerita rakyat seperti yang dinyatakan sebelum ini menjadi sumber rujukan kepada kebudayaan kelompok masyarakat tersebut. Hal lain yang dinyatakan dalam cerita seperti jenis asal-usul, lagenda atau jenaka mempunyai butiran penting yang harus diberi perhatian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin berfokus pada penggunaan imejan kosmologi dalam cerita rakyat.

Pengkaji ingin mengetahui bagaimana imejan kosmologi dalam cerita dan penerapannya terhadap penghasilan seni dan kraf dalam masyarakat Lun Bawang. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan cerita rakyat Lun Bawang yang bertajuk Terur Aco dan Rang Dungo sebagai sumber rujukan untuk kajian ini.

1.1.1 Definisi Imejan

Menurut kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, imejan bermaksud penggunaan beberapa imej yang terhimpun dalam karya sastera atau penggunaan dalam tulisan. Yahaya (2010) dalam penulisannya untuk Sastera Penggerak Bahasa mengatakan imejan adalah himpunan imej-imej yang yang digunakan dalam sesebuah puisi. Beliau berpendapat bahawa penggunaan imejan dalam penulisan adalah penting bagi pembacanya merasai isi kandungan puisi tersebut.

1.1.2 Definisi Kosmologi

Menurut Redd (2017), kosmologi adalah satu cabang astronomi yang melibatkan asal usul dan evolusi alam semesta. Menurut kamus atas talian Merriem-Webster pula, selain mempunyai makna yang sama seperti dinyatakan oleh Redd, ia juga merupakan satu teori dan doktrin yang menerangkan tentang hukum alam. Namun begitu, dalam konteks kajian ini pengkaji akan lebih berfokus kepada kosmologi yang disesuaikan mengikut kepercayaan masyarakat Lun Bawang.

1.1.3 Definisi Signifikasi

Berdasarkan kamus atas talian Merriam-Webster, perkataan signifikasi membawa maksud perbuatan atau proses memsignifikasikan melalui tanda atau cara lain yang mempunyai unsur simbolik. Kamus atas talian *English Oxford Living Dictionaries* pula mendefinisikan perkataan signifikasi sebagai gambaran atau penyampaian maksud. Berdasarkan definisi dari dua kamus tersebut, dapat disimpulkan bahawa signifikasi adalah satu kata yang membawa maksud kepentingan kepada sesuatu.

1.1.4 Definisi Cerita Rakyat

Osman (1991) berpendapat bahawa cerita rakyat merupakan satu ciri kebudayaan. *American Folklore* menerangkan cerita rakyat sebagai satu cerita atau lagenda yang merupakan sebahagian daripada satu tradisi lisan. Menurut Ardel (2014), cerita rakyat adalah cerita dari masa lalu yang mempunyai ciri unik kaum yang mengandungi budaya yang berbeza dan merangkumi kebudayaan dan sejarah kaum tersebut. Berdasarkan kamus atas talian Dictionary.com pula, cerita rakyat merupakan satu cerita atau lagenda yang asalnya muncul dari satu kalangan kelompok atau masyarakat dan ia muncul dari kalangan masyarakat golongan biasa. Rumusnya, cerita rakyat itu sesuatu yang mempunyai sifat sehingga mempunyai ciri yang dapat dikenalpasti. Ia bersifat unik kerana lagendanya yang menjadi unsur yang signifikan dalam kewujudannya.